



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN (IBU PEJABAT & PEJABAT CAWANGAN) PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB)

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- 1.1 Permohonan pembaharuan lesen beserta apa-apa dokumen lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pelancongan dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari, tetapi tidak lebih daripada enam puluh (60) hari sebelum tempoh sah laku lesen berakhir.
- 1.2 Kompaun akan dikenakan bagi permohonan yang tidak lengkap dan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- 1.3 Jika lesen syarikat telah tamat tempoh melebihi satu (1) tahun, maka Pesuruhjaya berhak untuk enggan memperbaharui lesen syarikat tersebut di bawah Seksyen 32(4) Akta Industri Pelancongan 1992 dan syarikat hendaklah mengemukakan permohonan lesen yang baharu jika masih berminat untuk menjalankan perniagaan selaras dengan seksyen 6 Akta 482 dan Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992.
- 1.4 Jika lesen syarikat telah tamat tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun, maka Pesuruhjaya berhak untuk enggan memperbaharui lesen syarikat tersebut di bawah Seksyen 32(4) Akta Industri Pelancongan 1992, walau bagaimanapun syarikat boleh mengemukakan justifikasi yang kukuh kelewatan memperbaharui lesen kepada MOTAC. Kelulusan pembaharuan lesen adalah tertakluk kepada budi bicara Pesuruhjaya.
- 1.5 Permohonan pembaharuan lesen bagi Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan (jika ada) hendaklah dikemukakan secara serentak.
- 1.6 Menghadiri kursus *Travel & Tour Enhancement Course* (TTEC) anjuran oleh Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berlesen dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi syarikat TOBTAB yang berlesen dalam bidang selain Umrah atau Ziarah.

- 1.7 Menghadiri kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU) anjuran Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berlesen dengan MOTAC bagi syarikat TOBTAB yang berlesen dalam bidang Umrah atau Ziarah.
- 1.8 Kursus TTEC atau KPPU hendaklah dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah / Pemegang Saham atau kakitangan yang terlibat dalam Pengurusan syarikat seperti Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pegawai Operasi/ Pengurus Besar, wakil pengurusan syarikat yang dilantik oleh syarikat.
- 1.9 Syarikat TOBTAB hendaklah mematuhi semua syarat lesen seperti dalam Garis Panduan Permohonan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB).
- 1.10 Syarikat yang menjalankan Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri bagi Umrah Atau Ziarah hendaklah mematuhi semua syarat asal seperti dalam Garis Panduan Permohonan Tambah Bidang Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah.
- 1.11 Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat, tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan), tiada tunggakan pembayaran “award” Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan tiada perintah mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan.

2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

- 2.1 Bagi permohonan pembaharuan lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri dan Luar Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan:
 - (a) Salinan sijil kursus *Travel & Tours Enhancement Course* (TTEC) yang masih sah laku bagi syarikat TOBTAB ATAU sesalinan sijil Kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU) bagi syarikat TOBTAB yang berlesen dalam bidang Umrah atau Ziarah;
 - (b) Salinan sijil keahlian Persatuan Pelancongan tahun semasa yang diiktiraf oleh MOTAC (<https://www.motac.gov.my/pln/category/18-pelesenan>);

- (c) Penyata akaun bank rasmi syarikat bagi tempoh tiga (3) bulan terkini. Penyata akaun bank berkenaan mestilah akaun syarikat yang telah diisytiharkan kepada Kementerian;
- (d) Surat pengesahan pendaftaran PERKESO bagi syarikat sepertimana ketetapan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi keperluan berkanun dan mencarum dengan PERKESO;
- (e) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di **Lampiran A**;
- (f) Salinan perjanjian penyewaan premis (Tenancy Agreement) bagi Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan yang ditandatangani oleh Ahli Lembaga Pengarah / Pemegang Saham / Pemilik Syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa/ Surat Kebenaran Menduduki Premis/ salinan Sales & Purchase (S&P) jika premis adalah milik Syarikat/ Dokumen Hak Milik atau Surat Akuan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah (jika berkaitan);
- (g) Salinan permit kenderaan pelancongan (bas persiaran & kereta sewa pandu) yang dikeluarkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] atau Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] kepada syarikat (jika berkenaan) ; dan
- (h) Salinan Lesen / Permit Perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang masih berkuatkuasa.

2.2 Syarikat TOBTAB yang berlesen dalam bidang Umrah atau Ziarah hendaklah mengemukakan salah satu sijil keahlian Persatuan Pengendali Umrah yang diiktiraf MOTAC seperti di **Lampiran B**.

3. TATACARA PERMOHONAN:

- 3.1. Melengkapkan maklumat permohonan dalam **Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST)** melalui laman sesawang www.tourlist.gov.my.
- 3.2. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dimuat naik ke dalam **TOURLIST**.

4. FI PEMROSESAN:

- 4.1 Fi Proses adalah sebanyak RM20.00 dan pembayaran boleh dibuat secara atas talian di www.tourlist.gov.my;

4.2 Kiraan kadar fi proses adalah tertakluk bagi setiap lesen Ibu Pejabat dan setiap pejabat cawangan.

5. KEPUTUSAN PERMOHONAN: Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui **TOURLIST**.

5.1 Bagi permohonan yang DILULUSKAN:

Syarikat hendaklah:

- (a) Menjelaskan fi lesen bagi Ibu Pejabat dan setiap Pejabat Cawangan (sekiranya mempunyai cawangan); dan
- (b) Tempoh lesen yang diperbaharui akan bermula mengikut keadaan yang berikut:
 - i. Jika kelulusan diberikan oleh Pengarah MOTAC Negeri sebelum tarikh habis tempoh lesen asal, tempoh lesen yang diperbaharui akan bermula pada tarikh sebaik selepas tarikh habis tempoh lesen asal (rujuk **Contoh 3, Lampiran C**); atau
 - ii. Jika kelulusan diberikan oleh Pengarah MOTAC Negeri selepas tarikh habis tempoh lesen asal, tempoh lesen yang diperbaharui akan bermula pada tarikh sebaik selepas tarikh kelulusan diberikan (rujuk **Contoh 1 dan Contoh 2, Lampiran C**).

5.2 Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:

Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara atas talian melalui www.tourlist.gov.my dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pemakluman keputusan penolakan lesen dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif.

Dalam tempoh rayuan, syarikat tidak dibenarkan untuk membuat sebarang transaksi pakej baharu dari tempoh tamat lesen sehingga keputusan permohonan rayuan dikeluarkan.

6. TEMPOH KELULUSAN:

- 6.1 Kelulusan pembaharuan lesen TOBTAB adalah mengikut tempoh satu (1) tahun hingga lima (5) tahun.
- 6.2 Syarikat perlu menyelesaikan urusan bayaran fi lesen dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh surat pemakluman dikeluarkan.

- 6.3 Sekiranya syarikat gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan adalah terbatal dan permohonan pembaharuan baharu hendaklah dikemukakan.

7. PENGEMBALIAN LESEN:

- 7.1 Sekiranya tiada permohonan pembaharuan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan, pengusaha pelancongan hendaklah mengembalikan lesen tersebut termasuk apa-apa lesen tambahan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh 14 hari (Merujuk kepada peruntukan di bawah Seksyen 12, Akta 482) secara atas talian melalui www.tourlist.gov.my.
- 7.2 Pengusaha pelancongan hendaklah dengan serta-merta berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa perniagaan yang berkaitan dengan lesen itu kecuali permohonan pembaharuan yang lengkap telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pelancongan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 7.3 Kegagalan pengusaha pelancongan mematuhi perenggan 7.1 dan 7.2 di atas boleh menyebabkan syarikat dikenakan tindakan undang-undang.

8. PIAGAM PELANGGAN:

- 8.1 Permohonan pembaharuan yang telah lengkap, teratur, dan sempurna serta mematuhi dasar serta prinsip yang ditetapkan diselesaikan berdasarkan **Lampiran D**.

9. PERINGATAN:

- 9.1 Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen/ mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika dia berpuas hati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Pesuruhjaya maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

10. FI LESEN:

BIL.	BIDANG	FI LESEN	FI LESEN TAMBAHAN
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri selain Program <i>Malaysia My Second Home (MM2H)</i>	RM125.00 setahun	RM75.00 setahun
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Selain Umrah atau Ziarah	RM500.00 setahun	RM350.00 setahun
3.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah	RM500.00 setahun	RM350.00 setahun
4.	Perniagaan Agensi Pengembaraan	RM100.00 setahun	RM50.00 setahun

* Rujuk maklumat fi lesen sedia ada di dalam Akta 482.

11. TARIKH KUAT KUASA:

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 JANUARI 2026**.

LAMPIRAN A

Borang BA/2

SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT

Saya.....
No. Kad PengenalanJawatan
bagi pihak syarikat
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- (a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Bebayar TANPA kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan;
- (c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) tidak berada dalam tempoh penggantungan atau syarikat yang disenarai hitam oleh MOTAC semasa permohonan dibuat;
- (e) tiada sebarang tunggakan "*award*" di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- (f) tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan;
- (g) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga/ Pemegang Saham/ Pengurus syarikat yang dilantik sahaja; dan
- (h) akan mematuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan mana-mana pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi (jika berkaitan).

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

Saksi
Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN B

SENARAI PERSATUAN AGENSI PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN AGENSI PENGEMBARAAN BAGI UMRAH ATAU ZIARAH YANG DIKTIKRAF OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

1. Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia
(MATTA – Malaysia Association of Tour & Travel Agent)
2. Persatuan Agensi Perlancongan dan Pengembaraan Bumiputera
(BUMITRA – Bumiputera Travel And Tour Agents Association of Malaysia)
3. Persatuan Agensi Pelancongan Umrah Dan Haji (PAPUH)

LAMPIRAN C**PENETAPAN TARIKH PEMBAHARUAN LESEN SEHARI SELEPAS KELULUSAN PEMBAHARUAN LESEN TOBTAB OLEH PENGARAH MOTAC NEGERI****CONTOH 1:**

Lesen Syarikat MNO Adventures Sdn. Bhd. tamat pada 31.12.2022. Syarikat lewat mengemukakan permohonan pembaharuan iaitu selepas tempoh sah lesen pada 4.1.2023. Namun, perakuan dan kelulusan Pengarah MOTAC Negeri adalah bertarikh 1.3.2023. Maka, tarikh sah lesen syarikat selepas pembaharuan akan diselaraskan pada 2.3.2023 (iaitu sehari selepas kelulusan diberikan oleh Pengarah MOTAC Negeri).

Nama Syarikat: MNO Adventures Sdn. Bhd. Tempoh Sah Lesen: 31 Disember 2022				
Tempoh Lesen Sebelum Pembaharuan	Tarikh Kemuka Pembaharuan	Tarikh Kelulusan Pembaharuan oleh Pengarah MOTAC Negeri	Kelulusan Tempoh Lesen	Tempoh Lesen
31.12.2022	4.1.2023	1.3.2023	2 tahun	Mulai 2.3.2023 hingga 1.3.2025

CONTOH 2:

Lesen Syarikat PQR Destinations Sdn. Bhd. tamat pada 31.12.2022. Syarikat telah mengemukakan permohonan pembaharuan yang lengkap serta mematuhi syarat lebih awal iaitu pada 28.12.2022. Akan tetapi, perakuan dan kelulusan Pengarah MOTAC Negeri adalah bertarikh 28.2.2023. Maka, tarikh lesen syarikat akan diselaraskan pada 1.3.2023 (iaitu sehari selepas kelulusan diberikan oleh Pengarah MOTAC Negeri).

Nama Syarikat: PQR Destinations Sdn. Bhd. Tempoh Sah Lesen: 31 Disember 2022				
Tempoh Lesen Sebelum Pembaharuan	Tarikh Kemuka Pembaharuan	Tarikh Kelulusan Pembaharuan oleh Pengarah MOTAC Negeri	Kelulusan Tempoh Lesen	Tempoh Lesen
31.12.2022	28.12.2022	28.2.2023	2 tahun	Mulai 1.3.2023 hingga 28.2.2025

LAMPIRAN C

PENETAPAN TARIKH PEMBAHARUAN LESEN SEHARI SELEPAS KELULUSAN PEMBAHARUAN LESEN TOBTAB OLEH PENGARAH MOTAC NEGERI

CONTOH 3:

Syarikat STU Vacations Sdn. Bhd. tamat pada 31.12.2022. Syarikat mengemukakan permohonan pembaharuan yang lengkap serta mematuhi syarat lebih awal iaitu pada 1.12.2022 dan perakuan serta kelulusan Pengarah MOTAC Negeri adalah bertarikh 10.12.2022. Bagi kes seperti ini, tarikh lesen syarikat tetap diselaraskan pada 1.1.2023 (iaitu sehari selepas tempoh sah lesen sebelum pembaharuan).

Nama Syarikat: STU Vacations Sdn. Bhd. Tempoh Sah Lesen: 31 Disember 2022				
Tempoh Lesen Sebelum Pembaharuan	Tarikh Kemuka Pembaharuan	Tarikh Kelulusan Pembaharuan oleh Pengarah MOTAC Negeri	Kelulusan Tempoh Lesen	Tempoh Lesen
31.12.2022	1.12.2022	10.12.2022	2 tahun	Mulai 1.1.2023 hingga 31.12.2024

LAMPIRAN D**PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN PEJABAT MOTAC NEGERI MENGIKUT ZON**

PERKARA	ZON A	ZON B	ZON C
NEGERI	Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya, Pulau Pinang, Johor dan Sabah	Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Sarawak	Perlis dan Wilayah Persekutuan Labuan
PIAGAM PELANGGAN	14 hari bekerja	10 hari bekerja	3 hari bekerja